

**NO. SOALAN: 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[ TASEK GELUGOR ]**

**TARIKH : 20 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9646**

**SOALAN:**

**Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan bersedia mengambil komitmen dalam memastikan kebijakan para pelarian yang berada di Malaysia terus terbelakar serta adakah pengambilan pelarian Syria dikategorikan sebagai penempatan sementara atau penempatan semula dalam negara.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Secara dasarnya, Kerajaan tidak mengiktiraf status “Pelarian” memandangkan Malaysia bukan Negara Pihak kepada Konvesyen Status Pelarian 1951 atau Protokol Status Pelarian 1967. Walau bagaimanapun, Kerajaan atas dasar kemanusiaan, membenarkan *Illegal Foreign Workers* (PATI) yang memegang Kad *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) tinggal sementara di negara ini. Dasar Negara mengenai perkara ini adalah menggunakan asas “satu kes ke satu kes” (*case-to-case basis*).**

**Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, YAB Perdana Menteri semasa sesi ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menyatakan komitmen Malaysia untuk menerima 3,000 orang migran warganegara Syria dalam tempoh tiga tahun secara sukarela atas dasar ihsan dan perikemanusiaan. Komitmen ini merupakan satu inisiatif Negara dalam menjalankan tanggungjawabnya bersama-sama komuniti antarabangsa untuk menghulurkan bantuan kepada rakyat Syria yang berdepan dengan konflik dan peperangan.**

**Dalam hal ini, satu program khas telah diwujudkan dan dikenali sebagai Program Penempatan Sementara Migran Syria (PPSMS). Dibawah Program ini, rakyat Syria yang menjadi mangsa konflik peperangan telah diberikan peluang untuk menjalani kehidupan baru di Malaysia.**

**Memandangkan Malaysia tidak mengiktiraf status pelarian maka kumpulan ini dikenali sebagai migran. Ini adalah bagi memudahkan mereka untuk menjalani aktiviti harian seperti bekerja, belajar dan mendapat akses perubatan seperti biasa.**

**Dalam menjayakan usaha ini, Kerajaan telah menjalinkan kerjasama dengan sektor swasta dan organisasi bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan usaha-usaha yang dirancang di peringkat agensi/jabatan Kerajaan yang terlibat dapat dilaksanakan secara bersepadu dan komprehensif.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun menjalinkan kerjasama dengan Gabungan NGO Kemanusiaan Syria yang terdiri daripada sembilan buah NGO yang akan menguruskan hal ehwal pendidikan, kesihatan dan kebajikan migran Syria yang menyertai program ini. Di antaranya:**

- i. **Humanitarian Care Malaysia (MyCare);**
- ii. **Syria Care Malaysia;**
- iii. **Malaysian Humanitarian Aid and Relief (MAHAR);**
- iv. **Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM);**
- v. **IMAM Response and Relief Team (IMARET);**
- vi. **Muslim Care;**
- vii. **Pertubuhan Sinar Damsyik Malaysia (PERSIDAM);**
- viii. **Malaysia Life Line For Syria; dan**
- ix. **Yayasan Restu.**

**Suka diingatkan di sini bahawa Program ini hanyalah berdasarkan kepada pemberian kemudahan Penempatan Sementara bagi membantu migran Syria ini untuk hidup dan meneruskan kehidupan mereka sepanjang keberadaan mereka di Malaysia. Migran Syria ini akan pulang ke negara mereka apabila keadaan kembali pulih dan perang saudara di Syria berakhir.**